

D507

U B315 AAB
MAHATHIR-LUAR R R R

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN PIMPINAN PARTI ITU AKAN TERUS MENGUTAMAKAN ASEAN SEBAGAI SATU PAKATAN JIRAN SEWILAYAH WALAUPUN MATLAMAT PASARAN BERSAMA BELUM TERCAPAI.

MALAYSIA AKAN MENERUSKAN KERJASAMA DENGAN INDONESIA, THAILAND, BRUNEI DAN SINGAPURA TETAPI JARAK PERHUBUNGANNYA DENGAN FILIPINA AKAN DITENTUKAN SELEPAS REPUBLIK ITU SELESAI MENGGUBAL PERLEMBAGAANNYA YANG BARU.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-37 UMNO DI SINI, BELIAU BERKATA DASAR-DASAR MALAYSIA TERMASUK DASAR LUAR NEGERINYA ELOK DITEGASKAN SEMULA KERANA NEGARA BARU SAHAJA MEMBENTUK KERAJAAN YANG BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BERSEDIA MENIMBANG PERMOHONAN SINGAPURA MEMINTA PERTOLONGAN MENGENAI BEKALAN AIR TETAPI DALAM MENYEDARI PENTINGNYA AIR DI REPUBLIK ITU, MALAYSIA TIDAKLAH DAPAT MEMBELAKANGKAN KEPENTINGANNYA SENDIRI.

KERAJAAN JUGA AKAN MENKAJI SECARA TERPERINCI KEANGGOTA MALAYSIA DALAM KOMANWEL UNTUK MENGETAHUI FAEDAH DARIPADANYA DAN MEMBANDINGKANNYA DENGAN PERHUBUNGAN ANTARA BRITAIN, KHUSUSNYA DENGAN BEBERAPA NEGARA BUKAN KOMANWEL.

-- LAGI.

1303MST 18 09 86

D510

U B318 AAB
MAHATHIR-LUAR 2 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA LAGI, DALAM PADA ITU, MALAYSIA MEMERLUKAN KAWAN YANG SETARAF DENGANNYA DAN BUKAN KUASA BESAR YANG MEMANDANG NEGARA INI SEBAGAI +CLIENT STATE+ ATAU PELANGGAN MEREKA SAHAJA.

SELEPAS ASEAN, KEUTAMAAN MALAYSIA DARIPADA SEGI HUBUNGAN DAN DASAR LUARNYA IALAH=

+ PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM ATAU OIC=

+ PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI=

+ MENYOKONG HANYA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN BEBERAPA AGENSINYA.

BELIAU BERKATA KAJIAN TERPERINCI MENGENAI KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM KOMANWEL PERLU KERANA ADA PERBEZAAN YANG JELAS ANTARA ANGGOTANYA YANG KULIT PUTIH DAN YANG BUKAN KULIT PUTIH.

PENUNTUT-PENUNTUT DARI EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT YANG BUKAN ANGGOTA KOMANWEL MISALNYA, MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA, SEDANGKAN PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DIKENAKAN YURAN YANG SEBESITU TINGGI SEHINGGA +SECARA TIDAK LANGSUNG KITA MEMBANTU PENUNTUT INGGERIS DAN LAIN-LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DARIPADA PERHUBUNGANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, MALAYSIA MUNGKIN TIDAK MENDAPAT APA-APA PERTOLONGAN DARIPADA MEREKA. -- LAGI.

1309MST 18 09 86

U B320 AAB
MAHATHIR-LUAR 3 KUALA LUMPUR * * *

BAGAIMANAPUN, SEBAGAI KUASA KETIGA, NEGARA-NEGARA ITU
MENGIMBANGKAN PERTANDINGAN ANTARA BLOK TIMUR DAN BARAT.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MASIH INGIN BEKERJASAMA DENGAN
NEGARA-NEGARA DAN UMAT ISLAM DI MANA JUGA MEREKA BERADA WALAUPUN
DIKETAHUI BAHAWA=

+ ADA NEGARA ISLAM SUKA MENIMBULKAN KEKACAUAN DI NEGARA ISLAM
LAIN=

+ ADA NEGARA ISLAM SERING BERKELAHAI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN
MENGAMALKAN NASIONALISME YANG BEGITU EKSTREMIS HINGGA MEMBELAKANGKAN
ISLAM=

+ ADA YANG MENJADI NEGARA MARXIST ATAU MENJADI +CLIENT STATE+
KEPADA AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU BERKATA MALAYSIA HANYA MENYOKONG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA
BERSATU DAN BEBERAPA AGENSINYA UNTUK DIJADIKAN FORUM APABILA NEGARA
INI PERLU BERCAKAP KEPADA DUNIA KESELURUHANNYA.

MALAYSIA AKAN MENYERTAI PERJUMPAAN-PERJUMPAAN BANGSA-BANGSA
BERSATU DALAM MENENTANG BAHAYA DADAH KERANA IA BUKAN SAHAJA MENJADI
MASALAH NEGARA INI TETAPI JUGA MASALAH DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DASAR PANDANG KE TIMUR AKAN
DITERUSKAN KERANA KEBUDAYAAN DAN MORALITI BANGSA-BANGSA DI TIMUR
SECUCUK DENGAN MALAYSIA. -- BERNAMA.

1313MST 18 09 86